

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 31

PETRONAS catat 10 penemuan hidrokarbon

PETRONAS catat 10 penemuan hidrokarbon

Pertambahan pangkalan sumber minyak, gas negara hasil peningkatan aktiviti cari gali

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

PETRONAS dan kontraktor penyusunan petroleum (PAC) merekodkan 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia tahun ini, berikutan peningkatan aktiviti cari gali di Malaysia.

Syarikat minyak dan gas nasional itu dalam satu kenyataan berkata, lapan daripada 10 penemuan minyak dan gas didapati di luar pantai Sarawak dan satu, masing-masing di luar pantai Sabah serta Semenanjung.

"Penemuan minyak terbesar

dibuat oleh Petronas Carigali di telaga Nahara-1 di Blok SK306 dalam wilayah Balungan Sarawak.

"Penemuan juga dibuat di wilayah Luconia Tengah, Luconia Barat dan Baram Sarawak, yang menjadikan antara lembangan paling prolifik di Malaysia dan menepatkan banyak medan gas di negara ini," katanya.

Menurut PETRONAS, di Central Luconia Shell turut menebakkan gas di telaga Hina-1 dan Teimu-1 di Blok MLNG, manakala Mubadala Energy menemui lebih banyak gas di Blok SK320 di telaga Cengkih-1.

"Di wilayah Luconia Barat pula, ConocoPhillips menggerudi tiga telaga penerokaan di Blok WL4-00 dan menemui gas di telaga Gagau-1, manakala telaga Salam-3 dan Benum-2 mengesahkan lanjutan pengumpulan minyak dan gas di blok besar bersebelahan.

"Di wilayah Baram yang sudah matang, PTTEP membuat satu lagi penemuan gas di Blok SK410B

menerusi telaga Paprika-1, di mana Lang Lebah gergasi itu juga di temui pada 2019," katanya.

PETRONAS turut mengesahkan, TotalEnergies membuat penemuan minyak dan gas di telaga Tepat-2 di Blok N dalam wilayah Sabah Trough yang sedang berkembang di perairan ultra dalam Sabah, seterusnya bukti lebih luas selepas penemuan minyak dan gas terdahulu di Tepat-1 pada 2018.

"Di luar pantai semenanjung, Hess menemui takungan gas baharu di telaga Bergading Deep-4 di Blok PM302 dalam Lembangan Melayu Utara," katanya.

Aktiviti penerokaan meningkat
Mengulas mengeninya, Naib Presiden Kanan Pengurusan Sumber MPM Petronas, Azmir Zamri berkata, set data berbilang pelanggan MPM yang luar meliputi kawasan baru muncul dan sempadan akan terus menjadi kunci dalam mempercepatkan masa untuk penggrudian.

"Diperkuahkan dengan pelan penjujukan pelantar jangka panjang MPM, PAC kami bersiap sedia untuk menggerudi sebanyak 30 telaga penerokaan tahun depan. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk terus me-

di mana 16 telaga sudah siap, dengan dua lagi sedang diusahakan sekali gus menggandakan angka yang dicapai tahun lalu.

"Nisbah kejayaan 60 peratus kami mengesahkan sifat prolifik lembangan Malaysia. Kebanyakannya penemuan boleh dimanfaatkan dengan cepat pada kos yang lebih rendah, memandangkan ia berdekatan dengan rangkaian lajuas infrastruktur sedia ada," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Penerokaan Sumber MPM Petronas, Azmir Zamri berkata, set data berbilang pelanggan MPM yang luar meliputi kawasan baru muncul dan sempadan akan terus menjadi kunci dalam mempercepatkan masa untuk penggrudian.

"Diperkuahkan dengan pelan penjujukan pelantar jangka panjang MPM, PAC kami bersiap sedia untuk menggerudi sebanyak 30 telaga penerokaan tahun depan. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk terus me-

ningkatkan pangkalan sumber hidrokarbon negara bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat, bukan hanya domestik, malah global," katanya.

Selain kejayaan penerokaan, terdapat juga peningkatan pengambilan dalam Pusingan Bidang Malaysia (MBR) 2022, di mana pelabur menyahut saranan untuk pelaburan penerokaan yang lebih besar.

PETRONAS berkata, pemilihan kontrak perkongsian pengetahuan untuk bidaan MBR 2022 yang berjaya dijadualkan pada Februari tahun depan, diikuti pelancaran MBR 2023.

Mohamed Firouz Asnan, Naib Presiden Kanan MPM PETRONAS

